

PERBANDINGAN STRATEGI PEMBUGARAN BAHASA MELAYU DI MALAYSIA DAN PELESTARIAN BAHASA DAERAH DI INDONESIA

(A Comparison of Strategies for Revitalising the Malay Language in Malaysia and Regional Languages in Indonesia)

Hilmiati M. Indi¹

hilmiati@uinmataram.ac.id

Azman Che Mat²

azman531@uitm.edu.my

Akmaluddin Kertanah³

akmal@uinmataram.ac.id

Universitas Islam Negeri Mataram, Indonesia.^{1&3}

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Dungun, Terengganu, Malaysia.²

Pengarang koresponden (Corresponding author):²

Rujukan makalah ini (To cite this article): Hilmiati M. Indi, Azman Che Mat dan Akmaluddin Kertanah. (2026). Perbandingan strategi pembugaran bahasa Melayu di Malaysia dan pelestarian bahasa daerah di Indonesia. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 19(1), 123–146. [https://doi.org/10.37052/jm.19\(1\)no5](https://doi.org/10.37052/jm.19(1)no5)

Peroleh: <i>Received:</i>	4/12/2025	Semakan: <i>Revised:</i>	17/1/2026	Terima: <i>Accepted:</i>	22/1/2026	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	31/1/2026
------------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	--	-----------

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda (This article has undergone a double blind peer-review process)

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menerangkan strategi yang digunakan di Malaysia dan Indonesia dalam menyokong pembugaran bahasa Melayu dan pelestarian bahasa daerah, termasuk peluang serta cabaran yang dihadapi. Bahasa peribumi dianggap sebagai aset penting dalam mengangkat warisan dan kebudayaan setempat, di samping berperanan sebagai agen perpaduan warga negara. Namun begitu, dalam era globalisasi dan teknologi kini, bahasa-

bahasa ini berhadapan dengan pelbagai ancaman yang serius, termasuk dominasi bahasa asing dan kurangnya penyerapan bahasa warisan dalam sistem pendidikan dan media moden. Tambahan pula, perkembangan pesat teknologi komunikasi turut mempercepat perubahan penggunaan bahasa, yang secara tidak langsung menghakis nilai dan fungsi bahasa peribumi dalam kehidupan seharian. Kajian ini berpaksikan kepada persoalan bagaimana strategi pembugaran dan pelestarian bahasa yang efektif dapat dilaksanakan dalam konteks dua negara serumpun yang berkongsi akar budaya dan bahasa, namun berbeza dari sudut dasar dan pelaksanaan. Oleh itu, amatlah penting untuk diteliti bagaimana bahasa peribumi itu dapat dilestarikan dalam landskap sosial, politik dan teknologi yang semakin mencabar. Melalui metodologi kajian komparatif, penelitian ini membandingkan strategi pembugaran bahasa di kedua-dua wilayah untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaannya. Penemuan kajian menunjukkan bahawa strategi pembugaran bahasa melibatkan pelbagai sektor penting seperti pendidikan, media dan teknologi, dasar kerajaan, aktiviti budaya, serta penggunaan bahasa Melayu dan bahasa daerah dalam kehidupan seharian, termasuk di rumah dan di tempat kerja. Pelibatan keluarga juga dikenal pasti sebagai elemen penting dalam pembugaran bahasa. Kajian ini memberikan implikasi terhadap keperluan memperkasakan martabat bahasa Melayu dan bahasa daerah melalui pendekatan seperti digitalisasi, pembangunan literatur moden yang menarik generasi muda, menyokong penutur asli sebagai agen pelestari, serta mengintegrasikan bahasa daerah dalam bahan pengajaran di sekolah.

Kata kunci: Peribumi, bahasa Melayu, bahasa daerah, pelestarian, ancaman, pendidikan

Abstract

This study aims to explain the strategies employed in Malaysia and Indonesia to support the revitalisation of the Malay language and the preservation of regional languages, including the opportunities and challenges faced. Indigenous languages are regarded as important assets in upholding local heritage and culture, as well as serving as agents of national unity. However, in today's era of globalisation and advanced technology, these languages face various serious threats, including the dominance of foreign languages and the limited integration of heritage languages into modern education systems and media. Furthermore, the rapid development of communication technology has accelerated changes in language use, which indirectly erodes the value and function of indigenous languages in daily life. This study is grounded in the question of how effective language revitalisation and preservation strategies can be implemented in the context of two closely related countries that share cultural and linguistic roots but differ in terms of policy and implementation. Therefore, it is crucial to examine how these indigenous languages can be preserved within an increasingly challenging social, political and technological landscape. Using a comparative research methodology, this study compares language revitalisation and preservation strategies in both regions to identify their similarities and differences. The findings indicate that such strategies involve multiple key sectors, including education, media and technology, government policies, cultural activities, and the use of the Malay language and regional languages in daily life, both at home and in the workplace. Family involvement is also identified as a crucial element in language preservation. This study highlights the need to

empower the status of Malay language and regional languages through approaches such as digitalisation, the development of modern literature that appeals to younger generations, supporting native speakers as preservation agents, and integrating regional languages into school teaching materials.

Keywords: Indigenous, Malay language, regional languages, preservation, threats, education

PENDAHULUAN

Bahasa merupakan salah satu aspek penting dalam identiti budaya sesebuah masyarakat. Di kebanyakan negara, kepelbagaian bahasa mencerminkan kekayaan budaya dan sejarah bangsa tersebut. Namun, seiring dengan perkembangan globalisasi dan modernisasi, banyak bahasa daerah menghadapi ancaman kepupusan. Oleh sebab itu, strategi pembugaran bahasa menjadi penting untuk memastikan kelangsungan bahasa dan budaya yang menyertainya.

Malaysia dan Indonesia, dua negara yang memiliki kekayaan linguistik, menghadapi cabaran dalam mempertahankan bahasa asli mereka. Di Malaysia, bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan yang memiliki status rasmi dan disokong oleh dasar kerajaan untuk memperkuat statusnya dalam masyarakat. Namun, kewujudan bahasa-bahasa minoriti di Malaysia juga memerlukan perhatian agar tidak dipinggirkan. Pada sisi lain, Indonesia memiliki ratusan bahasa daerah yang tersebar di pelbagai pulau dan suku bangsa. Bahasa Indonesia berfungsi sebagai bahasa persatuan, tetapi bahasa-bahasa daerah menghadapi risiko penurunan jumlah penutur akibat dominasi bahasa Indonesia dan pengaruh bahasa asing.

Berdasarkan data hasil pengesanan daya hidup bahasa hingga tahun 2019, terdapat bahasa berstatus selamat sebanyak 36 bahasa yang tersebar di 18 wilayah, berstatus stabil tetapi terancam pupus sebanyak 19 bahasa yang tersebar di sembilan wilayah, berstatus mengalami kemunduran sebanyak tiga bahasa yang tersebar di dua wilayah, berstatus terancam pupus sebanyak 24 bahasa yang tersebar di 10 wilayah, berstatus kritikal sebanyak lima bahasa yang tersebar di tiga wilayah, berstatus pupus sebanyak 11 bahasa yang tersebar di empat wilayah. Secara umum, sebaran status bahasa yang mengarah ke arah kepupusan lebih banyak didominasi oleh wilayah Indonesia bahagian timur (Mufidah, 2020).

Pelestarian bahasa daerah memiliki kepentingan yang sangat tinggi, disebabkan oleh bahasa adalah salah satu komponen utama identiti budaya dan warisan sejarah suatu komuniti. Pelestarian bahasa daerah sangat penting dengan beberapa alasan. Pertama, bahasa daerah merupakan cerminan identiti budaya yang unik dari suatu komuniti. Setiap bahasa membawa bersama-sama kearifan lokal, tradisi,

adat istiadat, serta nilai-nilai yang membezakan satu komuniti dengan yang lain. Kehilangan bahasa bererti kehilangan bahagian penting daripada identiti budaya tersebut. Kedua, banyak bahasa daerah menyimpan pengetahuan tradisional yang tidak tertulis, seperti sistem pertanian, ubat-ubatan tradisional, dan praktik ekologi lokal. Melalui bahasa, pengetahuan ini diwariskan daripada generasi ke generasi. Jika bahasa tersebut pupus, pengetahuan yang terikat padanya juga berisiko hilang. Ketiga, keanekaragaman linguistik memperkaya kehidupan manusia dan memberikan berbagai-bagai perspektif dalam memahami dunia. Setiap bahasa memiliki struktur, kosa kata dan cara berfikir yang unik. Mempertahankan bahasa daerah bererti menjaga keanekaragaman budaya dan linguistik dunia. Untuk menghadapi cabaran ini, diperlukan pelbagai usaha, termasuk dasar kerajaan yang menyokong, pendidikan yang berasaskan bahasa ibunda, pelibatan aktif komuniti, serta pemanfaatan teknologi dan media untuk mempromosikan dan melestarikan bahasa daerah.

Kajian yang mengangkat topik pembugaran bahasa Melayu dan bahasa daerah telah dilakukan oleh banyak pengkaji sebelumnya termasuklah *Strategi Pelestarian Bahasa-bahasa Nusantara* (Meko Mbete, 2010), *Maintainability of Bahasa Malaysia by Malaysian Students in Medan* (Lubis, 2020), *Strategi Pemertahanan Bahasa Jawa di Provinsi Daerah Istimewa Yogyakarta* (Nurhayati, 2013), *Pola-pola Strategi Pemertahanan Bahasa Bali di Desa Pelajau Baru Kecamatan Kelumpang Hilir Kabupaten Kotabaru* (Rahman, 2017), *Strategi Pemertahanan Bahasa Daerah melalui Pembelajaran Linguistik Kebudayaan* (Yulita dan Age, 2017), *Strategi Pemertahanan Bahasa Daerah pada Ranah Pendidikan* (Zulaeha, 2017), *Pemertahanan Bahasa Daerah melalui Pembelajaran dan Kegiatan di Sekolah* (Widianto, 2018), *Malaysian Language Policy: The Impact of Globalization and Ethnic Nationalism* (Maezawa, 2023). Tema-tema ini memainkan peranan penting dalam memberikan kesan kepada pembaca bahawa isu-isu pembugaran bahasa Melayu dan pelestarian bahasa-bahasa daerah menjadi topik yang selalu relevan untuk dikaji kerana bahasa-bahasa daerah terus mengalami kedinamikan seiring perkembangan global. Perlu dicatat bahawa penelitian-penelitian tersebut tentu hanya sebahagian daripada penelitian-penelitian lain yang telah dilakukan oleh pengkaji sebelumnya.

Pembugaran bahasa wajar berlaku disebabkan kebimbangan akan wujudnya ancaman terhadap bahasa peribumi. Kebimbangan ini ada asasnya dengan melihat terdapatnya bahasa-bahasa dunia yang berada di ambang kepupusan (Diana *et al.*, 2017) atau berevolusi dengan bahasa lain sehingga keasliannya tidak lagi dapat dikenal pasti oleh penutur asal. Selain itu, bahasa peribumi sangat penting dalam sektor kesihatan yang dapat meningkatkan potensi rawatan berkesan. Menurut Faruk dan Simon (2022), kepupusan bahasa boleh menjejaskan kesihatan penggunaannya sebagaimana pemulihan bahasa tersebut boleh memberikan kesan yang sebaliknya.

Kepentingan bahasa peribumi tidak hanya terhad kepada komunikasi dan identiti budaya semata-mata, malah turut melibatkan aspek kesihatan, kesejahteraan mental dan amalan perubatan tradisional. Seperti yang dijelaskan oleh Thomas (2024), kira-kira tiga perempat daripada lebih 13 000 tumbuhan perubatan yang digunakan oleh komuniti peribumi adalah berkait rapat dengan bahasa-bahasa yang hanya wujud dalam komuniti tersebut. Namun begitu, majoriti bahasa ini dijangka pupus menjelang tahun 2050. Apabila bahasa lenyap, ilmu perubatan tradisional dan amalan penyembuhan yang diwariskan secara lisan juga turut terpadam. Hal ini terbukti apabila upacara penyembuhan seperti *sweat lodge* dan penggunaan tumbuhan seperti *sweetgrass* tidak lagi diamalkan setelah bahasa yang menjadi wadah penyampai ilmu tersebut hilang.

Tambahan pula, dalam kalangan komuniti peribumi di Amerika Utara dan Australia, kajian mendapati bahawa individu muda yang kembali mengamalkan bahasa warisan mereka menunjukkan peningkatan dalam kesihatan mental dan penurunan kadar bunuh diri (Whalen *et al.*, 2016; Marya dan Patel, 2021). Hal ini membuktikan bahawa bahasa bukan sekadar alat pertuturan, tetapi adalah sebahagian daripada sistem epistemologi, spiritual dan sosial yang mempengaruhi tahap kesihatan komuniti. Maka, usaha melestarikan bahasa-bahasa peribumi haruslah dilihat sebagai strategi holistik dalam melindungi bukan sahaja warisan budaya tetapi juga kelangsungan kesihatan komuniti.

Menyorot tema-tema penelitian sebelumnya, penelitian perbandingan untuk menemukan titik temu strategi penguatan bahasa Melayu dan pelestarian bahasa-bahasa daerah masih jarang-jarang kelihatan. Kedua-dua penelitian tersebut masih berdiri sendiri sehingga menjadi ruang bagi penelitian ini untuk menghubungkan-bandingkan antara strategi penguatan bahasa Melayu di Malaysia dengan pelestarian bahasa daerah di Indonesia. Oleh yang demikian, penelitian ini bertujuan untuk membandingkan strategi penguatan bahasa Melayu di Malaysia dengan pelestarian bahasa daerah di Indonesia. Dengan memahami berbagai-bagai pendekatan yang digunakan oleh kedua-dua negara ini, diharapkan dapat menemukan pola yang efektif dalam melestarikan bahasa penutur asli di tengah arus globalisasi. Selain itu, penelitian ini juga akan menyoroti cabaran yang dihadapi dan peluang yang boleh dimanfaatkan dalam upaya penguatan bahasa.

Perbandingan antara strategi yang diterapkan di Malaysia dan Indonesia akan memberikan hala tuju tentang keberkesanan pelbagai pendekatan yang digunakan. Hal ini akan memberikan sumbangan penting bagi pengembangan dasar dan program yang lebih baik dalam upaya penguatan bahasa di kedua-dua negara dan boleh menjadi rujukan bagi negara lain yang menghadapi masalah yang serupa.

METODOLOGI KAJIAN

Paradigma kajian mengenai strategi yang digunakan di Malaysia dan Indonesia dalam mendukung penguatan bahasa Melayu dan bahasa daerah menggunakan pendekatan konstruktivistik yang menekankan pada pemahaman makna dan interpretasi yang dibuat oleh individu atau kelompok dalam konteks budaya dan sosial mereka.

Data kajian

Penelitian ini dilakukan di dua buah institusi pengajian tinggi yang mewakili Malaysia dan Indonesia. Penelitian kemudiannya difokuskan kepada beberapa kajian lepas yang berkaitan. Institusi di Malaysia yang menjadi lokasi penelitian ini ialah UiTM Kampus Dungun, Terengganu dan institusi di Indonesia yang menjadi lokasi penelitian ini ialah Universitas Islam Negeri Mataram (UIN) Mataram. Keseluruhan peserta/respondan kajian ialah 64 orang dari kedua-dua institusi ini.

Instrumen kajian

Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik dan dokumen yang berupa laporan, rekod dan penulisan yang berkait secara langsung dengan topik kajian. Seterusnya, analisis secara deskriptif dijalankan terhadap data-data yang diperoleh. Data-data tersebut dibahagikan mengikut tema-tema utama yang berkait dengan objektif kajian ini. Secara tuntasnya, kajian ini menggunakan statistik peratusan dan kekerapan dalam pengumpulan data soal selidik.

Analisis kajian

Jenis analisis yang digunakan ialah penelitian komparatif-deskriptif yang dilakukan untuk membandingkan strategi penguatan bahasa pada dua negara, iaitu Malaysia dan Indonesia. Tujuannya adalah untuk mengeksplorasi perbezaan dan persamaan. Dalam konteks ini, penelitian komparatif digunakan untuk membandingkan dasar bahasa, iaitu mengenal pasti perbezaan dalam dasar bahasa di Malaysia dan Indonesia. Penelitian tersebut termasuklah pendekatan, tujuan dan strategi yang digunakan, menilai keberkesanan strategi, iaitu menganalisis keberkesanan dari strategi yang telah diterapkan dalam mendukung penguatan bahasa Melayu di Malaysia dan pelestarian bahasa daerah di Indonesia. Penelitian juga cuba menggali faktor kontekstual, iaitu memahami faktor-faktor kontekstual seperti budaya, politik, ekonomi dan sosial yang mempengaruhi pelaksanaan dasar bahasa dan keberhasilannya.

DAPATAN KAJIAN DAN PEMBAHASAN

1. Strategi Penguatan Bahasa Melayu di Malaysia dan Pelestarian Bahasa Daerah di Indonesia

Penguatan bahasa merupakan sebuah upaya mempertahankan bahasa agar terus digunakan dalam suatu masyarakat bahasa sehingga diharapkan suatu bahasa tidak mengalami kepupusan. Penguatan bahasa dilakukan oleh penutur multibahasa, misalnya dengan menggunakan pemilihan bahasa (Widianto, 2018). Penguatan bahasa Melayu di Malaysia dan pelestarian bahasa daerah di Indonesia merupakan usaha penting untuk menjaga warisan budaya dan identiti nasional. Kedua-dua negara telah menerapkan berbagai-bagai strategi dan memanfaatkan pelbagai sumber data untuk mendukung upaya tersebut. Penguatan bahasa sejatinya tidak hanya dilakukan oleh para penutur melalui pemilihan bahasa, namun harus melibatkan banyak pihak dengan pelbagai strategi termasuklah dasar kerajaan, peranan badan pendidikan, pelibatan masyarakat, serta penggunaan teknologi dan media. Berikut ini diuraikan gambaran strategi penguatan bahasa Melayu di Malaysia dan pelestarian bahasa daerah di Indonesia.

Dasar bahasa nasional yang kuat memberikan sokongan signifikan terhadap penguatan bahasa Melayu di Malaysia. Berdasarkan hasil penelitian yang telah dilakukan Lubis, (2020) yang mengangkat topik *Maintainability of Bahasa Malaysia by Malaysian Students in Medan* ditemukan bahawa strategi penguatan bahasa Melayu Malaysia dalam kalangan mahasiswa. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa pemeliharaan bahasa berlaku kerana pelajar Malaysia tinggal dalam kelompok komuniti yang sama, sehingga mereka masih menggunakan bahasa Melayu secara berterusan dalam kehidupan seharian. Bahkan, ketika mereka berada jauh dari domain bahasa Melayu, mereka masih mengakses media berbahasa Melayu seperti muzik, berita, televisyen, radio dan seumpamanya secara teratur dan masih aktif dalam aplikasi sembang dengan teman-teman mereka yang tinggal di Malaysia dengan menggunakan bahasa Melayu. Mereka menyedari bahawa mereka dapat mempertahankan bahasa Melayu dengan bergabung bersama-sama komuniti Malaysia, yang mana banyak siswa Malaysia berkumpul dan berbicara dalam bahasa Melayu. Mereka juga memiliki sikap bahasa yang baik terhadap bahasa Melayu. Hal ini terjadi kerana ketika mereka tinggal di lingkungan asing, mereka berusaha mencari siswa Malaysia lainnya supaya dapat mengekalkan persekitaran berbahasa Melayu. Hal itu membuatkan mereka hidup bersama-sama siswa Malaysia lainnya dalam satu kelompok. Malaysia berupaya untuk mempertahankan dan mempromosikan bahasa Melayu sebagai bahasa nasional dan simbol identiti budaya. Strategi ini bertujuan

untuk memastikan bahawa bahasa Melayu tetap relevan dan digunakan secara meluas dalam semua lapisan masyarakat, baik dalam konteks formal mahupun tidak formal.

Sementara itu, di Indonesia, meskipun terdapat dasar untuk melestarikan bahasa daerah, pelaksanaannya sering kali terhalang oleh kurangnya sumber daya dan perhatian yang cukup. Berdasarkan kajian terhadap beberapa hasil penelitian yang telah dilakukan, banyak peneliti menemukan beberapa strategi pembugaran bahasa daerah, iaitu: (1) pemantapan kedwibahasaan. Pemantapan fungsi dwibahasa bagi sebahagian besar warga bangsa Indonesia, menjadi strategi penting yang patut dilakukan. Selanjutnya, demi tanggungjawab perguruan tinggi dalam bidang pembugaran bahasa, sastera dan budaya nusantara pemantapan kedwibahasaan diperlukan, (2) keterjalinan kandungan pendidikan, penelitian, dan pengabdian kebahasaan, (3) pengembangan kerjasama antara jurusan kebahasaan baik yang ada pada peringkat perguruan tinggi negeri mahupun swasta dengan lembaga-lembaga masyarakat. Selain kerjasama antara institusi perguruan tinggi dengan agensi luar, (4) penterjemahan, penulisan dan teknologi khazanah sastera dan budaya nusantara merupakan langkah penting. Namun begitu, oleh sebab bahasa yang hidup tidak dapat dipisahkan dengan kiblat hidup manusia dan masyarakat nusantara sebagai ahli warisnya, maka (5) reorientasi kebahasaan dan kebudayaan anak bangsa di tengah derasannya arus bahasa dan budaya global, merupakan upaya yang patut dilakukan (Meko Mbete, 2010).

Selain itu, strategi pembugaran bahasa daerah dilakukan melalui pendidikan kerana lembaga pendidikan merupakan elemen utama dalam mempersiapkan generasi masa hadapan. Wujud pelestarian bahasa daerah melalui pendidikan ini dapat dinyatakan dengan: (1) pelestarian bahasa daerah dalam pembelajaran di sekolah, (2) pelestarian bahasa daerah melalui komuniti/ aktiviti kokurikulum, dan (3) pelestarian bahasa daerah sebagai alat komunikasi wajib pada hari tertentu (Widianto, 2018). Strategi tersebut tentu sangat relevan kerana pendidikan merupakan sarana yang tepat sebagai media perdana pelbagai hal, seperti pembentukan karakter, nilai-nilai antikorupsi, kesetaraan gender, dan wadah pelestarian bahasa daerah.

Berkaitan dengan strategi tersebut, hasil penelitian Yulita dan Age (2017) juga menyokong peranan pendidikan dan pembelajaran sebagai wadah pelestarian bahasa daerah. Penelitian tersebut mendeskripsikan strategi pelestarian bahasa daerah, khususnya bahasa Lio dan pengembangan bahasa dan budaya, khususnya budaya etnik Lio. Dalam berkomunikasi generasi muda, khususnya mahasiswa etnik Lio berasa malu menggunakan bahasa daerahnya sendiri kerana dianggap kekampungan. Oleh sebab itu, melalui mata kuliah Linguistik Kebudayaan mahasiswa diarahkan

untuk mengenal pasti bahasa-bahasa ritual dari daerah masing-masing serta memaparkannya. Hasil penelitian tersebut menunjukkan dalam ungkapan adat ritual *keti uta* terdapat gaya bahasa dan persamaan bunyi yang berupa aliterasi dan asonansi. Melalui strategi ini, secara tidak langsung mahasiswa boleh belajar bahasa dan budaya daerahnya sendiri.

Strategi lain yang dapat diterapkan sebagaimana hasil penelitian Rahman (2017) yang mengangkat topik tentang pola-pola strategi pemertahanan bahasa Bali di Desa Pelajau Baru Kecamatan Kelumpang Hilir Kabupaten Kotabaru adalah: (1) mendorong masyarakat untuk menjadikan bahasa Bali sebagai bahasa pertama yang dikuasai etnik suku Bali, (2) mengupayakan kemampuan menggunakan bahasa Bali, (3) menggunakan bahasa Bali oleh masyarakat dalam kehidupan sehari-hari, (4) membiasakan penggunaan bahasa Bali dalam mesyuarat di balai adat, (5) membiasakan penggunaan bahasa Bali dalam lingkungan keluarga, dan (6) memiliki sikap positif terhadap bahasa Bali.

Salah satu bahasa daerah yang sangat kaya dengan unsur-unsur linguistik ialah bahasa Jawa sehingga masih tetap dianggap dan dijadikan norma baku dalam komunikasi (Suyata dan Suharti, 2007:3). Oleh sebab itu, diperlukan beragam strategi untuk mempertahankan bahasa Jawa sebagai bahasa komunikasi. Usaha-usaha yang telah dilakukan pemerintah dan masyarakat dalam rangka pembugaran kewujudan bahasa Jawa, antara lain termasuklah: (1) upaya pengukuhan filosofi budaya dan bahasa Jawa, (2) pengembangan dan peningkatan pertandingan dan festival bahasa Jawa, (3) penyebaran dan penanaman nilai budi pekerti dalam ungkapan-ungkapan bahasa Jawa, (4) peningkatan dan pengembangan seni pertunjukan Jawa, dan (5) menciptakan dan menjaga kewujudan bahasa Jawa melalui penggunaan bahasa Jawa dalam lingkungan institusi, pejabat, sekolah dan lembaga berkait (Nurhayati, 2013).

Pelbagai strategi dalam usaha pembugaran bahasa daerah juga ditunjukkan oleh Mascita *et al.* (2021) dalam hasil kajiannya yang mengangkat topik strategi mempertahankan bahasa Sunda Lea Indramayu. Dalam usaha pelestariannya, masyarakat dan pemerintah desa melakukan sosialisasi bahasa seperti: (1) dalam kegiatan keagamaan: pengajian dan khutbah Jumaat, (2) pendidikan: KBM di sekolah umum dan madrasah, (3) pelayanan pemerintahan desa: kegiatan perhimpunan, bimbingan warga, (4) kebudayaan: perayaan acara adat, misalnya upacara Ngarot dan pernikahan, (5) PKK: arisan ibu-ibu, dan (6) golongan belia: acara karang taruna.

Secara dasarnya, strategi pembugaran bahasa Melayu di Malaysia dan pembugaran bahasa daerah di Indonesia melibatkan berbagai-bagai aspek penting yang terstruktur dalam beberapa sektor utama, iaitu pendidikan, media dan teknologi, dasar kerajaan,


serta kegiatan budaya. Yang berikut ialah penjelasan terperinci tentang setiap strategi tersebut berdasarkan soal selidik yang diedarkan:

1.1 Pendidikan

Bahasa Melayu dan bahasa daerah di Indonesia diajarkan sebagai mata pelajaran wajib dari tahap sekolah rendah hingga menengah. Hal ini bagi memastikan bahawa semua pelajar baik di Malaysia atau di Indonesia mendapat pendidikan dasar/asas yang kuat dalam bahasa Melayu/bahasa daerah, meningkatkan kemahiran bahasa mereka sejak usia kecil. Pengajaran ini mencakupi keterampilan berbicara, membaca, menulis dan mendengar, sehingga pelajar/murid mampu menggunakan bahasa ini dengan baik dalam kehidupan sehari-hari. Tidak hanya pada sekolah dasar/sekolah rendah, pada peringkat pendidikan tinggi, banyak universiti yang menawarkan program pengajian dalam bahasa daerah/bahasa Melayu. Program-program ini mencakupi berbagai-bagai disiplin ilmu seperti sastera, linguistik dan pendidikan, yang tidak hanya memelihara bahasa tetapi juga mempersiapkan lulusan untuk menjadi pendidik, pengkaji, dan ahli bahasa yang kompeten.

Apakah sekolah dasar (SD) atau sekolah menengah (SMP dan SMA) di wilayah anda mengajarkan bahasa daerah?

64 jawapan



Rajah 1 Penguatkuasaan dan pelestarian bahasa melalui jalur pendidikan.

Berdasarkan hasil soal selidik yang diberikan kepada para responden yang merupakan warga Malaysia dan Indonesia, strategi penguatkuasaan bahasa Melayu dan pelestarian bahasa daerah dilakukan melalui jalur pendidikan di kedua-dua negara. Yang berikut adalah data yang berkaitan dengan hal ini:

Data soal selidik menunjukkan bahawa 84% responden (54 orang daripada 64 orang) menyatakan bahawa bahasa Melayu dan bahasa daerah diajarkan di sekolah

tahap sekolah rendah dan menengah di Malaysia dan sekolah dasar (SD), sekolah menengah pertama (SMP), atau sekolah menengah atas (SMA) di Indonesia, beberapa kesimpulan diperoleh:

i. Keseriusan dalam Pendidikan Bahasa

Peraturan yang tinggi ini menunjukkan bahawa baik di Malaysia mahupun di Indonesia memiliki komitmen yang kuat untuk memasukkan bahasa Melayu dan bahasa daerah dalam sistem pendidikan formal, khususnya pada tahap sekolah dasar hingga menengah. Hal ini mencerminkan perhatian serius daripada kerajaan dan masyarakat terhadap pentingnya pebugaran bahasa Melayu dan pelestarian bahasa daerah melalui pendidikan.

ii. Peranan Penting Pendidikan Formal

Pengajaran bahasa Melayu dan bahasa daerah di sekolah merupakan strategi yang efektif untuk menanamkan keterampilan berbahasa dan kebanggaan pada bahasa daerah sejak awal. Dalam usaha pebugaran dan pelestarian bahasa, hal ini penting kerana anak-anak yang belajar bahasa daerah di sekolah lebih menggunakannya dalam kehidupan sehari-hari dan sekali gus mewariskan bahasa tersebut kepada generasi berikutnya.

iii. Persamaan Pendekatan di Kedua-dua Negara

Data ini menunjukkan adanya persamaan pendekatan di Malaysia dan Indonesia dalam hal pebugaran bahasa daerah melalui pendidikan. Meskipun kedua-dua negara memiliki konteks budaya dan dasar yang berbeza, kedua-dua negara menyedari pentingnya memperkenalkan bahasa Melayu dan bahasa daerah di sekolah sebagai sebahagian daripada pebugaran budaya kebangsaan dan pelestarian daerah.

iv. Respons Positif daripada Masyarakat

Tingginya peraturan responden yang menyatakan adanya pengajaran bahasa kebangsaan dan bahasa daerah di sekolah juga boleh disimpulkan sebagai indikator bahawa masyarakat melihat pendidikan bahasa Melayu dan bahasa daerah sebagai hal yang penting dan bernilai. Di Indonesia, hal ini berpotensi mendorong kelangsungan program pengajaran bahasa daerah pada masa hadapan.

v. Peluang Pengembangan Kurikulum Berasaskan Daerah

Berdasarkan dapatan ini, majoriti responden telah menerima pengajaran bahasa Melayu/bahasa daerah. Hal ini membuka peluang bagi kerajaan dan

institusi pendidikan untuk mengembangkan kurikulum yang lebih adaptif dan berasaskan daerah. Hal ini boleh memperkuat tidak hanya aspek linguistik, tetapi juga nilai budaya dan identiti lokal dalam pendidikan.

Secara keseluruhan, data ini menekankan bahawa pengajaran bahasa Melayu dan bahasa daerah di sekolah berperanan penting dalam menjaga eksistensi bahasa dan budaya lokal di Malaysia dan Indonesia, serta mendukung pembentukan identiti nasional yang inklusif terhadap keberagaman bahasa dan budaya.

1.2 Media dan Teknologi

Bahasa Melayu di Malaysia dan bahasa daerah di Indonesia digunakan secara meluas di televisyen, radio, surat khabar dan platform media digital. Penyiaran berita, program hiburan dan dokumentari dalam bahasa Melayu dan bahasa daerah membantu dalam mempromosikan bahasa ini kepada audien yang lebih luas dan memperkuat penggunaannya dalam komunikasi sehari-hari. Pengembangan aplikasi, permainan dan platform pembelajaran secara dalam talian menjadi salah satu cara efektif untuk menarik minat generasi muda. Kandungan digital yang menarik dan interaktif ini mendorong pengguna untuk terus menggunakan bahasa Melayu dan bahasa daerah dalam konteks yang relevan dengan kehidupan moden mereka sekarang.

1.3 Dasar Kerajaan

Di Malaysia, tertubuhnya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang bertanggungjawab untuk mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. DBP diberikan kuasa autonomi dalam program pembinaan dan pengembangan bahasa dan sastera Melayu serta menjalankan kegiatan penerbitan. DBP berperanan penting dalam pembugaran bahasa Melayu dan pelestarian bahasa daerah melalui dua buah pejabat cawangannya, iaitu di Sabah dan Sarawak, serta di empat pejabat wilayah; iaitu DBP Wilayah Utara di Pulau Pinang, DBP Wilayah Selatan di Johor, DBP Wilayah Timur di Kelantan dan DBP Wilayah Tengah di Kuala Lumpur. Dari segi undang-undang, Kerajaan Malaysia menetapkan dasar yang mengutamakan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan dan komunikasi rasmi kerajaan dan sektor awam. Undang-undang ini memastikan bahawa bahasa Melayu tetap menjadi bahasa utama dalam pentadbiran negara, yang membantu memperkuat identiti nasional dan mempromosikan penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat.

Selari dengan dasar di Malaysia, pemerintah Indonesia juga memiliki dasar tentang pemertabatan bahasa negara mahupun bahasa-bahasa daerah. Untuk mengawal dasar ini, pemerintah membentuk Badan Pembinaan dan Pengembangan Bahasa yang bernaung di bawah Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan. Bahkan,

badan ini memiliki perpanjangan tangan di setiap wilayah yang ada di Indonesia, iaitu Balai atau Kantor Bahasa Wilayah. Badan Pembinaan dan Pengembangan Bahasa mahupun Balai dan Kantor Bahasa Wilayah inilah yang kemudian menjadi *leading sector* dalam upaya-upaya pelestarian dan pemertabatan bahasa di Indonesia dengan berbagai-bagai program yang dilaksanakan. Beberapa bentuk program dasar kerajaan baik Malaysia mahupun Indonesia yang merencanakan usaha penguatan bahasa Melayu dan bahasa daerah dapat dilihat pada Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1 Bentuk-bentuk dasar kerajaan dalam penguatan bahasa Melayu dan pelestarian bahasa daerah.

No.	Kegiatan
1	Menjadikan bahasa daerah sebagai mata pelajaran di sekolah
2	Memperkasakan bahasa Melayu
3	Penggunaan bahasa Melayu dalam mesyuarat dan surat rasmi
4	Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK)
5	Cintai Bahasa Kita
6	Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di pejabat
7	Mengadakan sosialisasi penguatan bahasa daerah
8	Sambutan bahasa daerah
9	Pertandingan cerpen menggunakan bahasa daerah
10	Mengadakan pelbagai pertandingan seperti pidato, nyanyian dan teater menggunakan bahasa daerah
11	Melestarikan budaya dan menciptakan lingkungan berbahasa daerah membuat kegiatan berbahasa daerah
12	Mengadakan pertandingan penulisan kandungan daerah berbahasa daerah

Daripada data program dasar kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu di Malaysia dan bahasa daerah di Indonesia, dapat disimpulkan bahawa kedua-dua negara memiliki strategi penguatan bahasa Melayu dan pelestarian bahasa daerah yang beragam dan saling melengkapi yang berfokus kepada pendidikan, pemakaian rasmi, serta penghargaan budaya dan komuniti. Kesimpulan utama yang boleh diperoleh ialah:

i. Pendidikan Berasaskan Bahasa

Pengajaran bahasa daerah di sekolah, baik melalui mata pelajaran khusus mahupun kegiatan kokurikulum, menunjukkan komitmen kedua-dua buah

negara untuk memperkenalkan bahasa kepada generasi muda. Di Indonesia, beberapa daerah telah memasukkan bahasa daerah sebagai sebahagian daripada kurikulum.

ii. Pengukuhan Bahasa Kebangsaan dalam Acara Rasmi

Malaysia cenderung memusatkan program kepada penguatkuasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, mengutamakan penggunaannya dalam kegiatan formal seperti mesyuarat, surat rasmi dan urusan di pejabat kerajaan. Hal ini bertujuan memperkuat bahasa kebangsaan, sekali gus sebagai perpaduan bangsa dalam kerangka multibudaya.

iii. Sosialisasi dan Pemberdayaan Komuniti

Kedua-dua negara mengadakan sosialisasi serta pelbagai program/acara seperti sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK), sambutan bahasa daerah, pertandingan pidato, persembahan teater, penulisan cerpen, dan kegiatan lain yang berdasarkan bahasa Melayu/bahasa daerah. Langkah ini bertujuan untuk memperkuat penggunaan bahasa Melayu/bahasa daerah dalam kehidupan sehari-hari, menumbuhkan rasa bangga, serta memberikan ruang ekspresi kepada masyarakat.

iv. Pemerkasaan dan Penghargaan Budaya Daerah

Di Indonesia, peraduan penulisan dan pertandingan kreatif berdasarkan bahasa daerah diadakan bagi mencerminkan upaya, menambah minat dan kesedaran akan kekayaan bahasa, serta menjaga keberlanjutannya sebagai bahagian penting daripada identiti budaya.

v. Pendekatan yang Berdasarkan Kecintaan terhadap Bahasa

Adanya program berslogan seperti “Cintai Bahasa Kita” atau “Bahasa Jiwa Bangsa” menekankan usaha untuk memperkuat identiti dan kecintaan masyarakat terhadap bahasa mereka sendiri. Ini tidak hanya sekadar dasar formal, tetapi juga pendekatan emosional untuk merangkul bahasa Melayu/bahasa daerah sebagai aset bersama-sama.

Secara umum, strategi-strategi tersebut menunjukkan bahawa di Malaysia dan Indonesia, upaya penguatkuasaan bahasa Melayu/bahasa daerah dilakukan dengan pendekatan yang bersifat dari atas ke bawah dan bawah ke atas; iaitu melibatkan dasar kerajaan hingga keterlibatan komuniti setempat. Kedua-duanya berupaya menyeimbangkan antara penguatan bahasa kebangsaan dengan penguatkuasaan bahasa daerah sebagai bahagian daripada keragaman budaya.


1.4 Kegiatan Budaya

Strategi penguatan bahasa Melayu di Malaysia dan pelestarian bahasa daerah di Indonesia juga diupayakan melalui pelbagai perayaan dan kegiatan budaya. Berbagai-bagai acara budaya dan perayaan yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa daerah sebagai bahasa utama membantu mempromosikan bahasa dan budaya-budaya daerah. Kegiatan seperti ini tidak hanya merayakan warisan budaya tetapi juga menciptakan platform yang mana bahasa Melayu dan bahasa daerah dapat digunakan dan diapresiasi oleh semua golongan masyarakat.

1.5 Pembiasaan Penggunaan Bahasa Melayu dan Bahasa Daerah di Rumah

Berdasarkan tinjauan terhadap 64 responden, bahasa daerah didapati memiliki dominasi yang signifikan dalam komunikasi sehari-hari, dengan majoriti responden menggunakan bahasa daerah, baik secara eksklusif mahupun dalam kombinasi dengan bahasa nasional. Penggunaan bahasa daerah ini menunjukkan betapa kuatnya identiti dan budaya daerah yang dipertahankan dalam ruang lingkup keluarga. Selain itu, data juga mencerminkan adanya bilingualisme, yang mana bahasa kebangsaan sering digunakan bersamaan dengan bahasa daerah, menciptakan lingkungan komunikasi yang kaya dan dinamik. Meskipun bahasa kebangsaan cenderung digunakan dalam ranah formal, data ini menekankan pentingnya lingkungan rumah sebagai ruang penguatan bahasa dan budaya daerah. Keberagaman bahasa yang digunakan di rumah menjadi bukti pentingnya identiti budaya di tengah pengaruh bahasa kebangsaan.

Bahasa apa yang paling sering anda gunakan di rumah?
64 jawapan



Rajah 2 Amalan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa daerah di rumah.

Berdasarkan rajah tersebut, berikut beberapa kesimpulan yang boleh diambil mengenai penggunaan bahasa di rumah:

i. Bahasa Daerah Mendominasi

Bahasa yang paling sering digunakan di rumah ialah “bahasa daerah” dengan 13 responden (20.3%). Hal ini menunjukkan bahawa bahasa daerah memiliki peranan penting dalam komunikasi sehari-hari dalam lingkungan rumah. Penggunaan bahasa daerah di rumah mencerminkan kuatnya identiti dan budaya daerah dalam kehidupan sehari-hari.

ii. Bahasa Campuran

Banyak responden (8 orang atau 12.5%) menggunakan kombinasi bahasa seperti “Bahasa Sasak dan Indonesia”. Hal ini menunjukkan adanya bilingualisme, yang mana bahasa kebangsaan digunakan bersama-sama bahasa daerah. Hal ini mungkin disebabkan oleh pengaruh pendidikan formal atau lingkungan yang lebih beragam.

iii. Variasi Penggunaan Bahasa

Terdapat berbagai-bagai kombinasi bahasa yang digunakan, seperti “Bali dan Indonesia”, “Sasak dan Indonesia” serta beberapa bahasa daerah lainnya. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat tidak hanya menggunakan satu bahasa tunggal, tetapi mengabungkan bahasa daerah dengan bahasa kebangsaan atau bahasa daerah lain.

iv. Penggunaan Bahasa Kebangsaan dan Daerah yang Terbatas

Responden yang menggunakan bahasa kebangsaan dalam lingkungan rumah relatif rendah, dengan hanya empat responden (6.3%) untuk bahasa masing-masing. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa kebangsaan jarang-jarang digunakan secara eksklusif di dalam lingkungan rumah, kerana dianggap lebih formal dan lebih sesuai digunakan di luar rumah.

v. Beragam Pilihan Bahasa di Persekitaran Rumah

Grafik ini menunjukkan tingginya keberagaman bahasa yang digunakan di lingkungan rumah, dengan berbagai-bagai bahasa dan kombinasi yang unik. Hal ini menunjukkan bahawa persekitaran rumah menjadi ruang penting untuk melestarikan bahasa daerah dan mencerminkan adanya perbezaan bahasa antara responden, baik dari sisi geografi mahupun budaya.


Secara keseluruhan, data ini menunjukkan bahawa bahasa daerah masih memiliki peranan penting dalam komunikasi dalam rumah tangga, sementara bahasa nasional dan variasi bilingual juga signifikan, bergantung pada konteks sosial dan budaya masyarakat di Malaysia dan Indonesia.

1.6 Pembiasaan Penggunaan Bahasa Melayu dan Bahasa Daerah di Tempat Kerja atau Sekolah

Daripada keseluruhan 64 maklum balas, para responden menggunakan pelbagai bahasa seperti bahasa Indonesia, Inggeris, Arab, Sasak, dan bahasa daerah lainnya. Data ini membantu penyelidik memahami pilihan dan keperluan komunikasi silang bahasa dalam lingkungan kerja dan pendidikan di wilayah tinjauan kajian.

Bahasa apa yang paling sering anda gunakan di tempat kerja atau sekolah?

64 jawapan



Rajah 3 Amalan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa daerah di tempat kerja atau sekolah.

Berdasarkan rajah di atas, beberapa kesimpulan yang dapat diambil adalah sebagai berikut:

i. Dominasi Bahasa Kebangsaan

Di Indonesia, bahasa Indonesia adalah bahasa yang paling banyak digunakan di tempat kerja atau sekolah, dengan peratusan 26.6%. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa Indonesia masih menjadi bahasa utama dalam interaksi profesional dan akademik.

ii. Penggunaan Bahasa Arab yang Signifikan

Bahasa Arab juga sering digunakan, baik secara individu mahupun dalam kombinasi dengan bahasa Indonesia, oleh 21.9% responden. Hal ini mungkin mencerminkan adanya persekitaran kerja atau sekolah yang memiliki latar belakang agama atau budaya tertentu yang menyokong penggunaan bahasa Arab.

iii. Keberagaman Bahasa dalam Lingkungan Profesional dan Akademik

Selain bahasa Indonesia dan bahasa Arab, ada juga penggunaan bahasa

lain seperti bahasa Inggeris, bahasa Melayu, dan bahasa Sasak, meskipun jumlahnya kecil. Hal ini menunjukkan adanya keragaman bahasa di tempat kerja atau sekolah yang mungkin disebabkan oleh latar belakang budaya yang beragam atau keperluan komunikasi tertentu.

iv. Kecenderungan Penggunaan Bahasa Campuran


Beberapa responden menggunakan lebih daripada satu bahasa, seperti kombinasi bahasa Indonesia dengan bahasa Arab atau bahasa Sasak. Hal ini menunjukkan bahawa beberapa individu mungkin perlu berkomunikasi dalam beberapa bahasa untuk mengatasi perbezaan budaya atau berinteraksi dengan pelbagai kelompok.

Secara keseluruhan, data ini menunjukkan bahawa bahasa Indonesia ialah bahasa utama, namun terdapat penggunaan bahasa lain yang cukup signifikan, khususnya bahasa Arab, yang mungkin terkait dengan lingkungan atau komuniti tertentu. Keragaman ini mencerminkan keperluan komunikasi yang beragam di tempat kerja atau sekolah responden.

1.7 Amalan Penggunaan Bahasa Melayu dan Bahasa Daerah dalam Percakapan Sehari-hari

Berapa kerap anda menggunakan bahasa daerah dalam percakapan sehari-hari?

64 jawapan



Rajah 4 Kekerapan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa daerah dalam percakapan sehari-hari.

Dalam hal penggunaan bahasa Melayu dan bahasa daerah dalam percakapan sehari-hari oleh para responden terlihat bahawa bahasa daerah masih memainkan peranan penting dalam komunikasi sehari-hari, meskipun tingkat penggunaannya bervariasi. Sebahagian besar responden sering atau sangat sering menggunakan bahasa daerah, menunjukkan bahawa bahasa ini tetap menjadi bahagian penting

dalam interaksi sosial mereka. Namun, ada juga responden yang menggunakannya dengan kekerapan jarang-jarang, yang mungkin mencerminkan adanya pengaruh daripada bahasa lain atau keperluan komunikasi yang berbeza dalam lingkungan tertentu.

Rajah tersebut memperlihatkan bahawa kepadatan penggunaan bahasa daerah dan bahasa Melayu dalam kehidupan sehari-hari. Berdasarkan data tersebut, dapat disimpulkan seperti yang berikut:

i. Bahasa Daerah masih Diminati dalam Komunikasi Sehari-hari

Sebahagian besar responden (73.4%) menunjukkan bahawa mereka sering atau sangat sering menggunakan bahasa daerah. Hal ini membuktikan bahawa bahasa daerah masih memiliki peranan penting dan terus dipertahankan dalam interaksi sehari-hari oleh majoriti responden.

ii. Penggunaan Bahasa Daerah Beragam dalam Kekerapannya

Sebahagian responden (23.4%) hanya menggunakan bahasa daerah kadang-kadang, yang mungkin menunjukkan adanya pilihan untuk menggunakan bahasa lain dalam situasi tertentu. Hal ini boleh disebabkan oleh tuntutan untuk menyesuaikan diri dengan lingkungan yang lebih heterogen atau dengan bahasa rasmi dalam konteks tertentu.

iii. Minimum Responden yang Jarang-jarang atau Tidak Pernah Menggunakan Bahasa Daerah

Sangat sedikit responden yang jarang-jarang menggunakan bahasa daerah, dan tidak ada yang memilih untuk tidak pernah menggunakannya. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa daerah masih dianggap penting dan digunakan oleh hampir semua responden, meskipun dalam frekuensi yang berbeza-beza.

Secara keseluruhan, data ini menunjukkan bahawa bahasa daerah tetap memiliki relevansi dan diadopsi dalam kehidupan sehari-hari oleh sebahagian besar responden, yang mencerminkan pentingnya bahasa tersebut sebagai bahagian daripada identiti dan komunikasi sosial mereka.


1.8 Pelibatan Keluarga dalam Penggunaan Bahasa Melayu dan Bahasa Daerah

Terdapat kesedaran yang cukup tinggi dalam kalangan responden untuk melestarikan bahasa Melayu dan bahasa daerah sebagai bahagian daripada identiti budaya,

meskipun masih terdapat sebahagian kecil yang mungkin dipengaruhi oleh faktor lain sehingga tidak mengajarkan bahasa daerah kepada anggota keluarga mereka. Keadaan ini dapat dilihat pada rajah yang berikut ini:

Apakah anda mengajarkan/mengajak anak-anak, adik, kakak atau keluarga anda menggunakan bahasa daerah?

64 jawapan



Rajah 5 Pelibatan keluarga dalam penggunaan bahasa daerah dan bahasa Melayu.

Berdasarkan data rajah di atas, kesimpulan yang diperoleh adalah seperti yang berikut:

i. Kesedaran dalam Melestarikan Bahasa Melayu/Bahasa Daerah

Majoriti responden (70.3%) aktif mengajarkan atau mengajak anak, kakak atau adik mereka untuk menggunakan bahasa Melayu atau bahasa daerah. Hal ini menunjukkan adanya kesedaran yang cukup tinggi dalam kalangan responden untuk melestarikan bahasa Melayu/bahasa daerah dengan meneruskannya kepada generasi berikutnya. Hal ini mencerminkan bahawa bahasa Melayu/bahasa daerah dianggap penting sebagai bahagian daripada identiti budaya dan warisan yang perlu dijaga dan dipelihara.

ii. Sebahagian Kecil Tidak Aktif Melestarikan Bahasa Daerah

Sebanyak 29.7% responden tidak mengajarkan atau mengajak anggota keluarga menggunakan bahasa daerah. Hal ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor, seperti pengaruh globalisasi, penggunaan bahasa nasional atau bahasa asing yang lebih dominan dalam lingkungan sehari-hari, atau kurangnya kesedaran mengenai pentingnya bahasa daerah.

iii. Cabaran dalam Penguatkuasaan Bahasa Daerah

Meskipun majoriti masih mengajarkan bahasa daerah, peraturan yang tidak melakukannya cukup signifikan (hampir 30%). Hal ini menunjukkan adanya cabaran dalam mempertahankan keberlanjutan bahasa daerah dalam kalangan keluarga, terutama dalam konteks perkembangan zaman dan pengaruh bahasa lain yang semakin kuat.

Secara keseluruhan, data ini menunjukkan bahawa meskipun sebahagian besar responden menyedari pentingnya melestarikan bahasa daerah dengan mengajarkannya kepada anggota keluarga, namun terdapat cabaran yang menyebabkan sebahagian kecil responden memilih untuk tidak melakukannya.

2. Peluang dan Cabaran Penguatkuasaan Bahasa Melayu di Malaysia dan Bahasa Daerah di Indonesia

Melihat peluang dan cabaran merupakan langkah kritikal dalam memastikan bahawa upaya penguatkuasaan bahasa daerah tidak hanya dilakukan secara sporadis, tetapi direncanakan dan dilaksanakan dengan pendekatan yang komprehensif dan berkelanjutan. Dengan memahami kedua-dua aspek ini, strategi yang lebih efisien dan efektif dapat dikembangkan untuk menjaga kekayaan linguistik dan budaya Indonesia.

Penguatkuasaan bahasa daerah di Indonesia memiliki peluang yang sangat beragam baik yang dapat dilakukan oleh kerajaan, komuniti, mahupun masyarakat secara umum. Berikut ini beberapa peluang terhadap penguatkuasaan bahasa daerah di Indonesia:

- i. Pemerintah Indonesia memiliki dasar untuk melestarikan bahasa daerah melalui program-program pendidikan dan kebudayaan. Undang-undang dan peraturan yang terkait dapat melindungi hak-hak masyarakat untuk menggunakan dan memelihara bahasa daerah mereka.
- ii. Bahasa daerah mulai diperkenalkan dalam kurikulum sekolah, terutama di tingkat dasar. Hal ini membantu anak-anak mengenal dan menggunakan bahasa daerah.
- iii. Perkembangan teknologi maklumat dan media sosial membuka peluang bagi bahasa daerah untuk lebih dikenal dan digunakan. Aplikasi pembelajaran bahasa, media sosial dan platform digital lainnya dapat digunakan untuk mengajarkan dan menyebarkan bahasa daerah.
- iv. Sambutan budaya, seni dan pelancongan daerah dapat menjadi platform penting untuk mempromosikan bahasa daerah. Pelancongan budaya yang berfokus kepada keunikan bahasa dan tradisi setempat dapat menarik

perhatian pelancong dan meningkatkan kesedaran akan pentingnya bahasa daerah.

- v. Komuniti lokal dan organisasi bukan kerajaan (NGO) sering kali aktif dalam mempromosikan dan melestarikan bahasa daerah melalui pelbagai kegiatan, seperti lokakarya, kursus dan penerbitan.

Sementara itu, cabaran pelestarian bahasa daerah yang dapat dikenal pasti adalah seperti yang berikut:

- i. Pengaruh globalisasi dan dominasi bahasa Indonesia sebagai bahasa kebangsaan serta bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa dapat menyebabkan penurunan penggunaan bahasa daerah dalam kehidupan sehari-hari.
- ii. Keterbatasan sumber daya, baik kewangan mahupun manusia, menjadi hambatan dalam upaya penguatan bahasa daerah. Banyak daerah yang kekurangan guru dan materi pembelajaran yang memadai untuk mengajarkan bahasa daerah.
- iii. Urbanisasi dan migrasi penduduk ke kota-kota besar menyebabkan terjadinya percampuran budaya dan bahasa. Anak-anak yang dibesarkan di kota sering kali lebih banyak menggunakan bahasa Indonesia atau bahasa asing, sehingga bahasa daerah terpinggir.
- iv. Generasi muda cenderung kurang berminat untuk mempelajari dan menggunakan bahasa daerah kerana dianggap tidak relevan dengan keperluan mereka pada saat ini, terutama dalam konteks pendidikan dan pekerjaan.
- v. Banyak bahasa daerah yang terancam pupus kerana jumlah penuturnya semakin berkurang. Hal ini disebabkan oleh perubahan pola hidup dan kurangnya pewarisan bahasa daripada generasi tua ke generasi muda.

Meskipun menghadapi cabaran, upaya penguatan bahasa daerah di Indonesia tetap memiliki peluang yang cukup baik jika didukung oleh komitmen pemerintah, masyarakat dan lembaga terkait secara berkelanjutan. Dengan memaksimumkan peluang yang ada dan mengatasi cabaran secara strategik, Indonesia dapat mempertahankan kekayaan bahasa daerahnya sebagai bahagian integral dari identiti nasional dan warisan budaya.

PENUTUP

Penelitian ini telah mengkaji dan membandingkan strategi penguatan bahasa Melayu di Malaysia dengan pelestarian bahasa daerah di Indonesia. Melalui analisis terhadap berbagai-bagai aspek, penambahbaikan dan pemerkasaan strategi

pembugaran bahasa di kedua-dua negara merupakan cabaran yang memerlukan pendekatan multidimensi dan kolaboratif. Sesungguhnya, amat diperlukan dasar yang lebih kuat dan komprehensif di kedua-dua negara untuk menyokong pembugaran bahasa. Kesedaran akan pentingnya menjaga kekayaan bahasa sebagai sebahagian daripada identiti budaya dan nasional harus terus ditingkatkan. Melalui dasar yang tepat, sokongan teknologi, pendidikan yang kuat, dan pelibatan aktif masyarakat, kedua-dua negara dapat terus mempertahankan dan memperkuat warisan linguistik mereka untuk generasi mendatang.

Peningkatan kualiti dan kelangsungan program pendidikan bahasa Melayu dan bahasa daerah sangat diperlukan. Implementasi teknologi pendidikan seperti aplikasi pembelajaran bahasa dapat menjadi penyelesaian yang efektif. Pengembangan kandungan digital dalam bahasa daerah harus ditingkatkan untuk menarik minat generasi muda, sementara pendekatan yang lebih inovatif dan interaktif dalam penyajian kandungan dalam bahasa Melayu dapat menjadi kunci keberhasilannya. Keterlibatan aktif komuniti lokal dalam upaya pembugaran bahasa daerah harus terus digiatkan, dengan pelatihan, pendanaan dan sokongan teknikal dapat membantu komuniti dalam menjalankan program pembugaran bahasa secara mandiri.

PENGHARGAAN

Pihak penyelidik sangat terhutang budi dengan sokongan dan bantuan yang diberikan oleh UiTM Kampus Dungun, Terengganu dan UIN, Mataram kerana menyediakan kemudahan dan keizinan sepanjang kajian ini dijalankan.

PENDANAAN

Pihak penyelidik tidak memohon sebarang pendanaan untuk kajian ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang diperoleh daripada responden adalah secara sukarela.

PERISYTIHARAN

Kajian ini tidak melibatkan data sensitif responden mahupun dokumen yang dilarang secara legislatif.

MAKLUMAT LAIN YANG BERKAITAN

Kajian ini merupakan inisiatif dalam kalangan penyelidik untuk mencapai kerjasama strategik dalam penyelidikan rentas negara.

RUJUKAN

- Diana Cárdenas, Roxane de la Sablonnière & Donald M. Taylor. (2017). Indigenous languages: Their threatened extinction is a global responsibility. *Oxford Research Encyclopedia of Communication*.
- Faruk, M. & Simon, J. (2022). *The Mental Health Consequences of Indigenous Language Loss*. The Lancet Psychiatry.
- Inovasi Pendidikan Kreatif. (2025). dlm. <https://inovasipendidikankreatif.com/2025/04/01/literasi-digital-sebagai-sarana-pelestarian-bahasa-daerah/> dicapai pada 1 April 2025.
- Lubis, I. H. (2020). Maintainability of Bahasa Malaysia by Malaysian Students in Medan. dlm. *Jurnal Darma Agung*, 28(2), 239. <https://doi.org/10.46930/ojsuda.v28i2.636>.
- Maezawa, C. (2023). Malaysian Language Policy: The Impact of Globalization and Ethnic Nationalism. dlm. *E-International Relations*, 1–18.
- MaLLaM: The Malaysia large language model. <https://arxiv.org/abs/2401.14680> dicapai pada 25 Januari 2024.
- Marya, R. & Patel, R. (2021). *Inflamed: Deep Medicine and the Anatomy of Injustice*. Farrar, Straus and Giroux.
- Mascita, D. E., Sariah, S., & Susilowati, S. (2021). Strategi Pelestarian Bahasa Sunda Lea Indramayu. dlm. *Ranah: Jurnal Kajian Bahasa*, 10(1), 182. <https://doi.org/10.26499/rnh.v10i1.2395>
- Meko Mbete, A. (2010). *Strategi Pelestarian Bahasa-bahasa Nusantara*. 1–11. Seminar Nasional Pemertahanan Bahasa Nusantara.
- Mufidah, A. O. A. I. (2020). *Gambaran Kondisi Vitalitas Bahasa Daerah di Indonesia: Berdasarkan Data Tahun 2018–2019*. Tangerang Selatan: Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan.
- Nurhayati, E. (2013). Strategi pelestarian bahasa Jawa di provinsi daerah istimewa Yogyakarta. *Litera*, 12(1). <https://doi.org/10.21831/ltr.v12i01.1338>
- Rahman, R. (2017). Pola-pola strategi pelestarian bahasa daerah di Desa Pelajau Baru Kecamatan Kelumpang Hilir Kabupaten Kotabaru. dlm. *Jurnal Bahasa, Sastra dan Pembelajarannya*, 7(1), 9.
- Revitalisasi bahasa daerah di Indonesia: Integrasi teknologi AI dan pendekatan berbasis komunitas. https://www.researchgate.net/publication/384906357_Revitalisasi_Bahasa_Daerah_di_Indonesia_Integrasi_Teknologi_AI_dan_Pendekatan_Berbasis_Komunitas. Dicapai pada 15 Ogos 2024.
- Time. <https://time.com/7012839/endang-aminudin-aziz/> dicapai pada 6 Jun 2024.
- Thomas, M. R. (2024). The Loss of Indigenous Language Practices: Implications for Native Health, Healing, and Cultural Wellbeing. *Rhetoric of Health & Medicine*, 7(3), 356–364.
- Widianto, E. (2018). Pelestarian bahasa daerah melalui pembelajaran dan kegiatan di sekolah. *Jurnal Kredo*, (1) 2, 1–13.
- Whalen, D. H., Moss, M., & Baldwin, D. (2016). Healing through language: Positive physical health effects of indigenous language use. *F1000Research*, 5, 852.
- Yulita, M., & Age, C. (2017). *Strategi Pelestarian Bahasa Daerah melalui Pembelajaran Linguistik Kebudayaan*. Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Zulaeha, I. (2017). Strategi pelestarian bahasa daerah pada ranah pendidikan. *Jurnal Peradaban Melayu* Jilid 12, 40–46.